# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

09 FEB 2017
KHAMIS

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
| --- | --- | --- |
| THE STAR | NO SHORTAGE OF MEDICINES | 2 |
| SINAR HARIAN | PANIK AIR NAIK MENDADAK | 3 |
| HARIAN METRO | SUNGAI RINTING TERSUMBAT | 4 |



THE STAR

# No shortage of medicines

## Patients at public hospitals in Johor getting supply as usual

By ZAZALI MUSA
zaza@thestar.com.my

STAR 9/2/17

PASIR GUDANG: There is no shortage in the supply of medicines at all public hospitals in Johor and patients will continue to receive their supplies as usual.

Johor Health and Environment committee chairman Datuk Ayub Rahmat said some patients were given supply for a week or two while others received a month's supply.

He said there was a reason for the weekly supply as most of those who received a monthly supply had a tendency of not taking their medication as prescribed by doctors.

'Only when they have to visit the hospital weekly or every two weeks to get their medicines, they start taking it diligently," Ayub said on Tuesday at the launch of the Communication for Behaviourial Impact (Combi).

It is an anti-dengue campaign organised by the Pasir Gudang Municipal Council here.

Ayub said patients must remember that the cost of medical supplies they receive from public hospitals nationwide was subsidised by the Government.

"We want to avoid wastage and those who no longer need medicines from a public hospital should drop them into the boxes placed outside the pharmacy," he added.

Ayub said the unconsumed and returned medicines which were yet to expire would be given to those with similar ailments.

Separately, he said the state government was still waiting for a full report from the independent commission appointed by the Health Ministry to look into the Hospital Sultanah Aminah fire which took place last October.

He said renovation work on the intensive care unit (ICU) of the hospital could not proceed until the commission had completed their findings on the incident.

The fire which occurred on the morning of October 2016, had claimed six patients who were receiving treatment at the ICU of the hospital and 11 people were injured.

"We have submitted a request for financial assistance of between RM12mil and RM20mil from the Federal Government for renovation and upgrading work on the ICU wing," said Ayub.

He said Johor had also requested for Hospital Sultanah Aminah II (HSAII) project to be built in Tampoi on a 161.87ha land belonging to the Health Ministry.

Ayub said he hoped the project would be approved under the 11th Malaysia Plan, adding that HSAII would also have a private wing for patients to get medical services similar to those offered by private specialist centres.

"We want our specialist doctors to continue working with the government but at the same time serve patients in the private wing of the hospital, he said.



# SINAR HARIAN

K/ S/H 9/2/17



## Panik air naik mendadak

**Banjir kilat dipercayai berpunca daripada Sungai Rinting yang tidak diselenggara sejak lebih tiga tahun lalu**



Manogeran (tengah) menunjukkan keadaan Sungai Rinting yang dipenuhi sampah-sarap dan semak samun sehingga menghalang aliran air.

AZIZAN INCHE HARUN

**PASIR GUDANG** - Keadaan air yang naik secara mendadak sehingga menyebabkan banjir kilat di Lebuh Raya Pasir Gudang berhampiran Taman Rinting dan Bandar Seri Alam kelmarin menyebabkan rata-rata penduduk panik.

Pengerusi Kuil Arulmigu Seri Muniswara Taman Rinting, K Manogeran berkata, dia terpaksa memerah keringat membersihkan kuil yang dalam persiapan menyambut Thaipusam hari ini selepas ditenggelami air sedalam 0.6 meter.

Menurutnya, banjir kilat teruk seumpama itu pertama kali berlaku selepas kali terakhir terjadi tiga tahun lalu.

"Kita risau banjir kilat berulang sebab esok (hari ini) orang ramai akan ke kuil untuk sambut Thaipusam.

"Kita mohon pihak bertanggungjawab dapat mencari jalan penyelesaian segera kerana kita tak mahu insiden macam semalam berulang lagi," katanya kepada pemberita pada sidang media bersama Adun Johor Jaya, Liow Cai Tung dan Pengerusi Aduan Amanah Negeri, Syed Othman Syed Abdullah, di sini, semalam.

Sementara itu, Cai Tung berkata, kejadian banjir kilat kelmarin dipercayai berpunca daripada Sungai Rinting yang tidak diselenggara sejak lebih tiga tahun lalu sehingga dipenuhi sampah-sarap dan semak-samun.

Menurutnya, projek menaik taraf lebuh raya berkenaan juga dikenal pasti turut menjadi punca banjir kilat apabila menyebabkan sistem perparitan tersumbat ekoran pembinaan longkang baharu.

"Apa yang kita lihat sistem perparitan yang tersumbat akibat projek menaik taraf lebuh raya dan aliran sungai yang tidak lancar telah menyebabkan pertembungan air apabila hujan lebat semalam (kelmarin).

"Jadi kita minta pihak bertanggungjawab menjalankan penyelenggaraan dan mendalamkan lagi Sungai Rinting supaya dapat menampung air setiap kali hujan lebat.

"Projek pembinaan longkang baharu juga perlu disegerakan di lebuh raya ini kerana tindakan menutup longkang lama telah menyebabkan takungan air luar biasa berlaku dan kita tak nak ia berulang lagi," katanya.



# HARIAN METRO

## Sungai Rinting tersumbat

**Rumput tebal, sampah-sarap tidak diselenggara punca berlaku banjir kilat**



*KEADAAN Sungai Rinting yang tidak diselenggara dikatakan punca banjir kilat.*



*MANOGAREN (kanan) menunjukkan Sungai Rinting yang dipenuhi sampah dan dinaiki air setiap kali hujan lebat.*

Ernalisa Othman
am@hmetro.com.my

**Johor Bahru** HM 9/2/17

Bimbang banjir kilat berulang di Lebuhraya Pasir Gudang dan kawasan sekitar seperti yang berlaku lewat petang kelmarin, pihak berwajib diminta mengenal pasti punca utama dan mengambil tindakan segera mengatasinya.

Pengerusi Kuil Muniswara di Taman Rinting, K Manogaren berkata, selain disebabkan kerja penambahbaikan Lebuhraya Pasir Gudang yang kini dalam fasa kedua, banjir kilat juga berpunca daripada Sungai Rinting yang tidak diselenggara.

Katanya, umum tahu penambahbaikan lebuh raya itu untuk kebaikan semua, tetapi dalam masa sama pihak berwajib perlu peka terhadap sistem perparitan di kawasan berdekatan bagi mengelak banjir kilat.

"Sebagai contoh di Sungai Rinting ini, bila hujan lebat lebih sejam, air akan naik dan melimpah ke jalan serta masuk di dalam rumah ibadat ini," katanya sambil mendakwa kali terakhir sungai berkenaan diselenggara ialah tiga tahun lalu.

> "Bila hujan lebat lebih sejam, air akan naik dan melimpah ke jalan serta masuk di dalam rumah ibadat ini"
>
> *K Manogaren*

Kelmarin kawasan terbabit dilanda banjir kilat mengakibatkan rumah ibadat berkenaan turut terjejas apabila dinaiki air yang melimpah sedalam hampir satu meter.

Katanya, walaupun tidak mengalami kerugian, dia terpaksa mengupah orang untuk membersihkan kawasan kuil berkenaan.

"Sepanjang 10 tahun kuil berada di sini, ini kejadian kedua dilanda banjir kilat dan kami berharap pihak berwajib melakukan tindakan segera mengatasinya," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Johor Jaya, Liow Chai Tong dalam pertemuan bersama media semalam mendakwa terdapat dua kemungkinan yang menyebabkan banjir kilat teruk berlaku kelmarin.

"Selepas diteliti, saya dapati banjir kilat disebabkan Sungai Rinting yang tidak diselenggara dengan konsisten kerana semak yang tidak ditebang dengan rumput tebal termasuk sampah-sarap yang berlonggok.

"Keadaan ini mengakibatkan laluan air di situ tidak berjalan lancar dan apabila hujan lebat, air melimpah ke jalan besar," katanya.

Katanya, selain itu, pembinaan projek Lebuhraya Pasir Gudang turut menyumbang kejadian itu dan pihak bertanggungjawab difahamkan mahu membina longkang baru bagi mengatasi bencana alam itu.

"Longkang lama sudah ditutup tetapi longkang baru tidak siap lagi menyebabkan banjir kilat cepat berlaku," katanya.

